



KHN.0042 JLD. 2

24 September 2018

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Pengarah Mahkamah Negeri

Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen

Seluruh Malaysia

Timbalan Kanan Pendaftar/Timbalan Pendaftar/

Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar

Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/

Mahkamah Tinggi Malaya/Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak/

Mahkamah Rendah Malaya/Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Seluruh Malaysia

Majistret

Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
BIL. 2 TAHUN 2018**

**PENGENDALIAN DOKUMEN JENAYAH SECARA ELEKTRONIK
DI SELURUH MAHKAMAH DI MALAYSIA**

YAA Ketua Hakim Negara setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak,

dan selaras dengan seksyen 272K Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] mengeluarkan Arahan ini.

PERMULAAN KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

1. (1) Arahan ini mula berkuat kuasa pada 20 Ogos 2018.
- (2) Arahan ini terpakai di seluruh mahkamah di Malaysia.

TAFSIRAN

2. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

“Pendaftar” mempunyai erti yang sama yang diberikan oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593];

“pengguna berdaftar” ertinya pengguna sistem aplikasi digital yang diberikan nama pengguna dan kata laluan oleh Pendaftar bagi tujuan membuktikan identiti yang betul sebagai akses untuk menggunakan perkhidmatan pemfailan secara elektronik;

“kod akses” ertinya kod akses yang dibekalkan oleh Pendaftar kepada pengguna berdaftar sebagai kata laluan untuk capaian sistem aplikasi digital;

“kod pengesahan” ertinya kata laluan yang digunakan oleh pengguna berdaftar sebagai kata laluan bagi penggunaan tandatangan digital;

“sistem aplikasi digital” ertinya mana-mana sistem aplikasi yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar untuk digunakan di mahkamah sebagai saluran bagi pemfailan dan penghantaran dokumen secara elektronik; dan

“tandatangan digital” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562].

PEMFAILAN DAN PENGHANTARAN SECARA ELEKTRONIK

3. Apa-apa dokumen dalam mana-mana prosiding jenayah hendaklah difailkan secara dalam talian dengan menggunakan sistem aplikasi digital bagi

mana-mana mahkamah yang telah menggunakan perkhidmatan pemfailan dan penghantaran dokumen secara elektronik.

4. Pemfailan dan penghantaran dokumen menggunakan sistem aplikasi digital hendaklah menggunakan tandatangan digital selaras dengan peruntukan Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562].

PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA BERDAFTAR

5. (1) Mana-mana orang boleh memohon secara dalam talian kepada Pendaftar untuk menjadi pengguna berdaftar tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

(2) Bagi pemfailan dokumen rayuan dalam kes jenayah oleh mana-mana tertuduh yang tidak diwakili peguam, pemfailan dokumen boleh dibuat melalui pejabat pendaftaran mahkamah atau kaunter perkhidmatan yang terdapat di lokasi mahkamah yang berkenaan.

6. Pendaftar boleh membenarkan dan membatalkan permohonan mana-mana orang untuk menjadi pengguna berdaftar.

KOD AKSES DAN KOD PENGESAHAN

7. Sebelum menggunakan sistem aplikasi digital, pengguna berdaftar hendaklah mendapatkan-

(a) nama pengguna (*user ID*) dan kod akses (*access code*) daripada Pendaftar; dan

(b) kod pengesahan (*verification code*) daripada pihak berkuasa pemerakuan yang dilantik di bawah Akta Tandatangan Digital 1997.

8. Pengguna berdaftar hendaklah dari semasa ke semasa memaklumkan Pendaftar secara bertulis tentang apa-apa perubahan maklumat dalam butir-butir pendaftarannya.

KESELAMATAN KOD AKSES DAN KOD PENGESAHAN

9. (1) Pengguna berdaftar hendaklah memastikan kerahsiaan dan keselamatan kod aksesnya serta kod pengesahannya.

(2) Pengguna berdaftar tidak boleh—

- (a) menzahirkan kod aksesnya dan kod pengesahannya kepada mana-mana orang lain; dan
- (b) membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan kod aksesnya dan kod pengesahannya.

10. (1) Mahkamah tidak bertanggungjawab atas apa-apa penyalahgunaan kod akses dan kod pengesahan untuk tandatangan secara digital oleh pengguna berdaftar.

(2) Jika berlaku apa-apa penyalahgunaan kod akses dan kod pengesahan, Pendaftar berhak untuk menggantung, menyahaktifkan dan menafikan hak akses kepada pengguna berdaftar tersebut.

TANDATANGAN DOKUMEN SECARA DIGITAL

11. Jika sesuatu dokumen difailkan atau dikeluarkan menggunakan sistem aplikasi digital, apa-apa kehendak di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berhubungan dengan tandatangan oleh pengguna berdaftar atau Pendaftar, hendaklah disifatkan telah dipatuhi sekiranya nama, pengenalan, kod pengesahan dan tandatangan atau endorsan telah diturunkan pada dokumen.

PEMFAILAN DAN PENDAFTARAN

12. (1) Pemfailan elektronik sesuatu dokumen boleh dilakukan 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

(2) Sekiranya kes baharu atau permohonan jenayah baharu hendak didengar pada hari pemfailan, kes atau permohonan tersebut hendaklah didaftar pada atau sebelum jam 10.00 pagi. Jika pendaftaran dibuat selepas jam 10.00 pagi, kes tersebut akan didengar pada hari berikutnya. Walau bagaimanapun, mahkamah mempunyai budi bicara untuk mendengar kes tersebut pada hari yang sama.

(3) Bagi prosiding penahanan di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah atau setara dengannya, masa pendengaran adalah seperti yang ditetapkan oleh mahkamah masing-masing.

13. Sesuatu dokumen itu dianggap berjaya difailkan apabila dokumen itu diterima oleh sistem aplikasi digital. Bukti penerimaan pemfailan akan dicetak pada dokumen berkenaan.

PEMBERITAHUAN ATAU PENYERAHAN DOKUMEN OLEH PENDAFTAR

14. (1) Jika Pendaftar dikehendaki oleh mana-mana peruntukan undang-undang untuk memaklumkan atau untuk menyerahkan atau untuk memberikan apa-apa dokumen kepada seseorang yang merupakan seorang pengguna berdaftar, Pendaftar boleh berbuat demikian secara elektronik atau menggunakan sistem aplikasi digital.

(2) Jika pemfailan elektronik tidak dapat dilaksanakan kerana berlakunya gangguan kepada sistem aplikasi digital, Pendaftar boleh mengeluarkan arahan yang sewajarnya bagi pemfailan dibuat secara luar talian.

PERCANGGAHAN

15. Apabila terdapat percanggahan maklumat pada sesuatu dokumen yang difailkan melalui sistem aplikasi digital dengan maklumat yang terdapat pada sesuatu dokumen, maklumat pada sistem aplikasi digital hendaklah terpakai.

16. Apa-apa permohonan untuk meminda maklumat pada dokumen boleh dibuat pada mana-mana peringkat prosiding dan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perintah atau arahan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen atau Pendaftar atau Majistret, mengikut mana-mana yang berkenaan.

17. Pengguna berdaftar hendaklah menggunakan sistem aplikasi digital dengan betul pada setiap masa, bagi tujuan yang sah dan kandungan dokumen yang difailkan tidak menyalahi mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan kerahsiaan atau urusan sulit.

18. Pendaftar tidak bertanggungjawab terhadap kandungan dokumen yang difailkan dan tidak bertanggung untuk menyemak atau mengunci mana-mana maklumat sulit atau rahsia yang dinyatakan dalam dokumen tersebut.

19. Apa-apa dokumen yang difailkan adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya pengguna berdaftar.

20. Pengguna berdaftar tidak boleh mengguna, menyalin, mengedar dan menzahir apa-apa maklumat dalam dokumen yang telah difailkan ke dalam sistem aplikasi digital kepada pihak ketiga bagi tujuan yang bertentangan dengan mana-mana peruntukan undang-undang.

21. Pendaftar mempunyai hak untuk menggantung hak akses jika mempunyai sebab yang munasabah bahawa pengguna berdaftar tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam terma-terma penggunaannya atau melanggar peruntukan undang-undang yang berkaitan.

22. Sekiranya Pendaftar berpuas hati atas apa-apa sebab jua pun bahawa maklumat yang dimasukkan dalam sistem aplikasi digital oleh pengguna berdaftar adalah khilaf, Pendaftar boleh membuat pembetulan pada maklumat tersebut dalam sistem aplikasi digital sebagaimana perintah atau arahan Mahkamah pada mana-mana peringkat prosiding.


PEKELILING, SURAT ARAHAN DAN GARIS PANDUAN

23. Apa-apa pekeling, surat arahan dan garis panduan mengenai keperluan pemfailan dokumen bagi kes-kes jenayah secara elektronik dan digital mengikut keperluan dari semasa ke semasa hendaklah dirujuk kepada YAA Ketua Hakim Negara.

PELAKSANAAN DAN TEMPOH PERALIHAN

24. Ketua Pendaftar boleh menentukan lokasi mahkamah dan tarikh pelaksanaan bagi tujuan perkhidmatan pemfailan dan penghantaran dokumen secara elektronik dari semasa ke semasa.

25. Mana-mana pelaksanaan kaedah pemfailan atau penghantaran dokumen bagi kes-kes yang didaftarkan dan dikendalikan secara elektronik sebelum berkuatkuasanya Arahan Amalan ini hendaklah disifatkan telah dilakukan mengikut Arahan ini dan sewajarnya, hendaklah terus sah di bawah Arahan ini.



TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM
Ketua Hakim Negara

Salinan Kepada:

EDARAN DALAMAN

**YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**YAA Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Sarawak**

**Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**Semua Pengarah Bahagian/Unit
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

EDARAN LUARAN:

Peguam Negara

Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Pendakwaan

Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan

Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Presiden

Majlis Peguam Malaysia
KUALA LUMPUR

Pengerusi

Persatuan Undang-Undang Sabah
SABAH

Pengerusi

Persatuan Peguambela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK